

Melayu tidak mudah lupa peristiwa hitam

BH - 30/10/2006

KEMELUT yang melanda Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri sudah menjadi topik wajib dalam minggu pertama bulan Syawal. Rata-rata menyatakan simpati kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan keluhan panjang terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad. Itulah gambaran masa kini bualan orang biasa yang majoritinya orang Melayu.

Perbandingan gaya dan corak pentadbiran Pak Lah dan Tun menjadi topik hangat perbualan. Nyata terdapat perbezaan ketara antara corak ketegasan dan lantang bersuara Tun berbanding dengan kesederhanaan dan sopan santun dalam tutur kata Pak Lah.

Sifat keterbukaan yang menggalakkan rakyat menegur jika ada kesilapan dalam jentera pentadbiran kerajaan adalah selaras dengan ungkapan Pak Lah selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri iaitu 'bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya'.

Namun sifat kesederhanaan inilah yang diambil kesempatan dan diputar belit golongan tertentu dengan mengandaikan Pak Lah tidak tegas seperti Tun. Malah ada yang berani berkata ramai tidak takut dengan Pak Lah berbanding Tun.

Ada juga yang memberikan pendapat kedua-dua pemimpin ulung orang Melayu ini hanya berseloroh. Jika benar berseloroh, ini amat menyedihkan kerana sudah ramai rakyat yang kecewa kerana tidak mahu Melayu berpecah lagi.

Cukuplah peristiwa hitam 1987 dan 1998 yang mengakibatkan Melayu berpecah sehingga terbentuk parti baru. Apakah Tun sudah lupa atau sengaja buat lupa? Melayu tidak mudah lupa terhadap peristiwa hitam yang melanda umat Melayu di bumi Malaysia ini. Kita tidak rela berpecah lagi jika kemelut ini tidak ditangani dengan segera.

Yang menghairankan orang ramai ialah tidak bolehkah Tun bersemuka

dengan Perdana Menteri melalui saluran yang telah sedia ada. Sifat Tun sebagai negarawan amat mudah untuk duduk bersama dan berbincang dengan Pak Lah berbanding dengan kami rakyat biasa yang sememangnya mustahil untuk berjumpa dengan Perdana Menteri.

Lebih-lebih lagi Pak Lah menjadi Perdana Menteri kerana Tun sendiri dan tentu Pak Lah akan meluangkan masa untuk berjumpa Tun.

Tetapi apabila Tun menggunakan media untuk mengkritik Pak Lah, cerita sudah bertukar dan menjadi lain maksudnya. Bagi kami sebagai orang kebanyakan, sifirnya mudah saja. Tentu ada persoalan pokok yang menjadikan Tun bersikap begitu rupa. Namun rakyat pasti sehingga kini persoalan pokok itu masih menjadi rahsia antara mereka berdua.

Yang jelas sudah wujud suasana yang tidak selesa dalam perpaduan orang Melayu. Perselisihan pendapat sekarang ini bukan saja di antara Pak Lah dan Tun, malah sudah menular ke rakyat biasa. Ini yang membimbangkan. Keadaannya tidak sama dengan 1987 dan 1998 kerana ia pertembungan politik antara dua pihak yang bersengketa yang akhirnya berlanjutan sehingga tertubuhnya Parti Semangat 46 dan Parti Keadilan.

Keadaan sekarang ialah di antara Perdana Menteri dengan bekas Perdana Menteri. Tidak mustahil peristiwa hitam masa lalu berulang. Kepada pemimpin negara, bersatulah demi kekuatan Melayu dan Umno.

Jika beginilah keadaannya perbualan ini tidak dibendung segera, akibatnya yang keruh tidak dapat dibuang, yang jernih jelas keciciran. Melayu tidak rela lagi berpecah. Kita sebenarnya sudah serik. Bersatulah wahai pemimpin orang Melayu.

**RAJA YATIM MUSTAFA
RAJA ALDIN,
Sungai Gadut, Seremban.**